Ketiadaan kawasan telap air punca banjir kilat

BH 14/4/06

BANJIR adalah bencana hidrologi yang tidak sukar difahami. Banjir dikaitkan dengan himpunan kuantiti air yang melebihi tahap biasa. Mengikut Burton (1970), banjir adalah air sungai yang melampaui tebing dan fenomena yang disebabkan oleh kenaikan aras air sungai utama dan anak-anak sungai membabitkan limpahan air ke kawasan yang biasanya tidak ditenggelami air.

Kekerapan banjir kilat berlaku di Kuala Lumpur kini semakin ketara. Sering kali kita mendengar alasan bahawa banjir kilat berlaku kerana sistem perparitan tidak berfungsi dengan baik.

Selain itu, kerajaan membelanjakan berjuta-juta ringgit bagi mendalamkan sungai serta melaksanakan pelbagai projek tebatan banjir namun, banjir kilat masih berlaku dengan kerap dan sukar dijangka.

Sebenarnya, Malaysia terletak di garisan khatulistiwa yang menerima hujan lebat sepanjang tahun. Keadaan ini ditambah pula dengan pertambahan kegiatan manusia di bandar yang turut merangsang partikel hidrologi setiap masa dan mengakibatkan hujan dengan jumlah banyak.

Apabila hujan sampai ke permukaan bumi, sebahagian besar air berkenaan sepatutnya meresap dan tersimpan di bawah tanah beberapa hari sebelum sampai ke sistem saliran dan sungai seterusnya mengalir ke laut.

Apa yang berlaku sekarang di Lembah Klang ialah jumlah hujan sama dengan jumlah air yang mengalir ke dalam sungai. Apabila kuantiti air ini semakin besar, larian air itu semakin laju menuju ke dalam sungai dan akibatnya sungai itu melimpah dalam tempoh beberapa jam hujan, walaupun sungai itu diperdalamkan dan kunci air dibuka seluas-luasnya.

Hujan yang turun bergerak dengan laju di atas permukaan kawasan yang tidak telap menuju ke sistem saliran dan sungai. Keadaan ini wujud apabila luas kawasan tidak telap air lebih besar berbanding kawasan telap air.

Ditambah pula dengan ketiadaan pokok yang boleh memberikan perlindungan kawasan lembap dan mengurangkan sejatan. Justeru, gabungan antara jumlah hujan yang banyak dan ketiadaan kawasan telap air adalah penyumbang utama kepada fenomena banjir kilat di Lembah Klang.

Adalah dijangkakan dalam tempoh 10 tahun akan datang, apabila jumlah kawasan tidak telap air semakin besar, kekerapan banjir kilat di Kuala Lumpur akan menjadi semakin kronik. Keadaan ini jika berterusan boleh membawa kerugian amat besar kepada masyarakat dan harta benda awam.

MOHD ASRAN AMISAH,
Bangi, Selangor.